KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02.06.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	TNB			

TNB, pengeksport Indonesia meterai perjanjian import arang batu RM13.11b

Melaka: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menandatangani perjanjian import arang batu dengan pengeksport Indonesia yang melibatkan nilai berjumlah AS$3 bilion (RM13.11 bilion) bagi tempoh tiga tahun.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, perjanjian itu bertujuan menjamin bekalan arang batu yang mencukupi selain memastikan pembekalan tenaga oleh TNB tidak terjejas.

Menurutnya, nilai kontrak terbabit meningkat daripada AS$2.3 bilion pada tahun lalu berikutan kenaikan mendadak harga bahan berkenaan.



MOHD Ali (dua dari kanan) menyempurnakan simbolik perasmian Menara TNB Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Ayer Keroh. Turut hadir, Sulaiman (dua dari kiri) dan Takiyuddin (kanan).

"Pada awal Januari tahun ini, kerajaan Indonesia mengumumkan menghentikan sementara eksport arang batu bagi memenuhi permintaan domestiknya sedangkan kira-kira 65 peratus arang batu yang diperlukan TNB diimport dari sana.

"Pada minggu lalu, saya dan pengurusan tertinggi TNB ke Indonesia untuk berjumpa dengan pengeksport arang batu. Kita berjaya menandatangani perjanjian selama tiga tahun itu kerana mempunyai hubungan baik dengan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Menara TNB Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa (MITC) Ayer Keroh di sini, kelmarin.

Majlis itu dirasmikan Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Rustam dan turut dihadiri Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali.